

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MEI 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 26
SURAT

Pelaburan komited Ekuinas melonjak kepada RM4.9b

26

Bisnes

Jumaat, 30 Mei 2025

Pelaburan komited Ekuinas melonjak kepada RM4.9b

**Prestasi dipacu
pengurusan
berdisiplin,
pertumbuhan
kukuh syarikat
portfolio**

Oleh Mohd Zakry Zainuddin
zakry@bh.com.my

Jumlah pelaburan komited Ekuini Nasional Bhd (Ekuinas) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 meningkat kepada RM4.9 bilion daripada RM4.5 bilion pada 2023, dengan suntikan modal ke dalam ekonomi negara terkumpul berjumlah RM5.6 bilion.

Prestasi itu mencerminkan ketekunan portfolio Ekuinas yang berterusan, pelaksanaan berdisiplin dan pelaburan modal

yang strategik.

Dana di bawah pengurusan (FuM) melonjak 19 peratus kepada RM5 bilion, sementara nisbah perbelanjaan operasi kepada FuM kekal mantap dan cekap pada kadar 1.1 peratus, mencerminkan pengurusan kos yang berdisiplin dan kecekapan operasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Aliff Omar Mohamad Omar, berkata dalam tahun yang dilanda cabaran ekonomi global, syarikat portfolio Ekuinas berkembang maju dan terus berdaya tahan.

"Walaupun ketidakstabilan berterusan di pasaran global, kami tetap memberi tumpuan kepada pelaksanaan berdisiplin dan penciptaan nilai jangka panjang," katanya dalam satu kenyataan.

Pada tahun kewangan 2024, pengeluaran sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) syarikat portfolio di bawah Dana Ekuinas Direct berketidapan sebanyak 33 peratus, pula kemudiannya daripada penyusutan tujuh peratus pada 2023.

Syarikat yang menyumbang kepada prestasi yang lebih kukuh ini, termasuk UNITAR Education Group, dengan lonjakan EBITDA sebanyak 77.2 peratus, disokong oleh peningkatan pengambilan pelajar antarabangsa dan inisiatif transformasi digital.

Medispec catat pertumbuhan 48.7 peratus

Sementara itu, Medispec (M) Sdn Bhd mencatatkan pertumbuhan EBITDA sebanyak 48.7 peratus, dipacu oleh inisiatif pembudayaan dan pengembangan strategik.

Exabytes Capital Group pula mencapai pertumbuhan EBITDA sebanyak 30.9 peratus berbeza dengan peningkatan lebih tinggi bagi infrastruktur digital dan penggunaan perkhidmatan berasaskan awan dalam kalangan



Aliff Omar

perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Prestasi dana Ekuinas pada umumnya sejari dengan jangkaan. Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) mencatatkan Kadar Pulangan Dalaman Kasar (GIRR) yang mantap pada 38.9 peratus. Dana Ekuinas Direct (Tranche II) mencatatkan GIRR pada 12 peratus, dan Dana Ekuinas Direct (Tranche III) menunjukkan peningkatan sederhana dengan GIRR pada 1.6 peratus.

Program Penyumbangan Luar pula mencatatkan GIRR pada 3.8 peratus (Tranche I) dan -6.9 peratus (Tranche II).

Pencapaian utama Ekuinas pada tahun kewangan 2024 ialah pelupusan strategik kepentingan 50.2 peratus dalam ICON Offshore Bhd pada Mac 2024.

Dalam sektor di mana peluang pelupusan amat sukar dan pe-

nilaian tidak menentu, Ekuinas menyerlah sebagai salah satu pelabur institusi yang berjaya melaksanakan pelupusan dalam sektor minyak dan gas dengan menjana keuntungan.

Ekuinas mencatatkan keuntungan terkumpul lebih daripada RM500 juta sepanjang tempoh pegangan pelaburan selama 10 tahun.

Pada tahun dikaji, modal dilaburkan secara strategik dalam dua pelaburan langsung baharu iaitu Symbiotica Speciality Ingredients Sdn Bhd pada April 2024 dan Mizou Holdings Sdn Bhd pada Mei 2024.

Symbiotica Speciality Ingredients ialah pengeluar bahan farmaseutikal aktif (API) utama di Asia Tenggara, yang mempunyai pelanggan di lebih daripada 70 negara pada bulan April 2024, manakala Mizou Holdings sebuah syarikat Bumiputera yang mengkhusus dalam pembangunan mesin perindustrian bagi industri minyak sawit.